

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

SOALAN

YB TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah hotel yang ditutup dalam tahun ini (2020). Dijangka berapa orang dalam sektor ini menganggur dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelamatkan keadaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, bidang tugas Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di bawah peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] dan Peraturan-Peraturan ialah menguruskan pendaftaran dan pengelasan premis penginapan pelancong. Skim pengelasan hotel telah dilaksanakan sejak 1996 bagi penarafan bintang dan 1999 bagi penarafan orkid secara sukarela (*voluntary basis*).
2. Pada tahun 2010, Kementerian ini telah melaksanakan penarafan dengan menggunakan Kriteria Minimum Pengelasan Premis Pengelasan Pelancongan iaitu taraf 1-5 Bintang untuk hotel, 3-5 Bintang untuk hotel apartment dan 1-3 Orkid untuk hotel yang tidak dapat dikelaskan mengikut taraf bintang. Sehingga 30 Mei 2020, terdapat 4,889 premis penginapan

pelancong telah berdaftar dengan Kementerian dan sebanyak 2,025 premis telah dikelaskan.

3. Data yang diperolehi daripada pihak persatuan-persatuan hotel yang diiktiraf oleh Kementerian ini iaitu *Malaysian Association of Hotels (MAH)*, *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)* dan *Malaysia Budget Hotel Association (MyBha)* menunjukkan, dalam tempoh antara 18 Mac 2020 hingga 1 Julai 2020, sebanyak 36 buah premis penginapan pelancong pelbagai taraf bintang telah menutup operasi.

4. Kerajaan telah menyediakan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang boleh dimanfaatkan oleh pemain industri pelancongan dan perhotelan di seluruh negara. Bantuan yang diumumkan ini telah mengambil kira permohonan oleh penggiat industri pelancongan seperti *Malaysian Association Of Hotels (MAH)*, *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*, *Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA)*, *Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)*, *Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)* dan sebagainya. Ia bukan sahaja bertujuan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti sedia ada malah boleh turut digunakan untuk menambahbaik produk-produk industri pelancongan.

5. Antara insentif yang diperkenalkan adalah:

- i. Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) sebanyak RM1 bilion bagi PKS sektor pelancongan. PTF merupakan inisiatif Kerajaan untuk membantu membiayai inisiatif transformasi oleh Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam industri pelancongan bagi membolehkan mereka kekal berdaya maju dan berdaya saing dalam menempuh kelaziman baharu semasa tempoh PKPP dan pasca PKPP;

NO. SOALAN : 105

- ii. Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- iii. Pelanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021; dan
- iv. Inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti kempen Mikro dan PKS E-Dagang, Skim Pembiayaan PKS PENJANA, Program Pembiayaan Mikro PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS.
- v. Program Subsidi Upah di mana bayaran RM600 sebulan bagi setiap pekerja dilanjutkan selama 3 bulan lagi sehingga 30 September 2020;
- vi. Potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan;
- vii. Penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama 6 bulan; dan
- viii. Pemberian diskaun sehingga 50% ke atas bil elektrik.

Sekian, terima kasih.